

TINDAKBALAS MASYARAKAT ARUS PERDANA DAN ORANG ASAL TERHADAP ISU JAMINAN DAN KESELAMATAN MAKANAN DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19

Doris Padmini Selvaratnam

ABSTRAK

Salah satu keperluan asas setiap insan adalah kesediaan dan kecukupan makanan yang berkhasiat. Ia dapat menentukan kadar pertumbuhan tubuh badan sihat dan akal cerdas serta menjurus kepada kesediaan sumber tenaga kerja sihat sesebuah negara. Masalah menyediakan makanan yang mencukupi dan berkhasiat menjadi isu utama dalam golong miskin tegar dan miskin. Permasalahan ini menjadi amat ketara sejak mulanya pandemik COVID-19 pada 18 Mac 2020 apabila secara global banyak sektor ekonomi yang terpaksa menutup untuk sementara atau terus gulung tikar. Impaknya kepada pemberhentiaan atau kehilangan pekerjaan serta kehilangan sumber pendapatan. Terdapat segelintir yang hanya mengalami penurunan jam bekerja atau potongan gaji. Ketidaktentuan yang dialami menghantui ramai dalam golongan miskin dan miskin tegar komuniti Arus Perdana dan Orang Asal sehingga kerajaan terpaksa mewujudkan bantuan makanan sebagai penyelesaian sementara. Malah banyak badan-badan bukan kerajaan dan agensi sektor swasta juga bertindak untuk menghulurkan bantuan. Maka, bagaimanakah makanan yang mencukupi dan berkhasiat dapat disediakan untuk masyarakat Malaysia. Apakah peranan yang dimainkan oleh sektor swasta dan kerajaan untuk memberi jaminan makanan keperluan untuk rakyat? Kertas ini berobjektif mengkaji pemahaman komuniti Arus Perdana dan Orang Asal terhadap jaminan dan keselamatan makan dan memastikannya dalam situasi pandemik COVID-19. Kajian secara dalam talian dibuat untuk mendapatkan maklumbalas komuniti Arus Perdana dan Orang Asal dan data dianalisis secara frekuensi dan peratus. Kajian mendapati bahawa komuniti Orang Asal mempunyai pemahaman lebih baik berkenaan istilah jaminan makanan dan keselamatan makanan berbanding dengan komuniti Arus Perdana. Kajian ini penting memandangkan komuniti Arus Perdana dan komuniti Orang Asal mempunyai peranan penting dalam memahami dan mengamalkan kelangsungan jaminan dan keselamatan makanan. Hasil analisis regresi menunjukkan bahawa umur, pendapat dan faktor penerimaan bantuan makanan dapat mempengaruhi perasaan tenang, selamat dan terjamin dalam komuniti Arus Perdana dan Orang Asal. Kertas kerja ini mencadangkan agar sektor pertanian dan juga perkembangan dalam teknologi maklumat dapat ditingkatkan untuk menggerakkan inisiatif menyediakan makanan secara sementara dan keseluruhan untuk rakyat Malaysia agar dapat mewujudkan jaminan dan keselamatan makan yang juga penting menentukan kesejahteraan sosial dan mengurangkan tekanan dan kerisauan isu kekurangan makanan dalam masyarakat.

Kata Kunci: Jaminan Makanan, Keselamatan Makanan, Pandemik COVID-19, Masyarakat Arus Perdana, Orang Asal

PENGENALAN

Virus coronavirus atau COVID-19 telah bermula sejak bulan November 2019 di Wuhan, China. Namun demikian ia hanya digelar sebagai Pandemik COVID-19 oleh World Health Organisation (WHO) pada 11 Mac 2020. Dr. Tedros Adhanom Ghebreyesus, Direktor General WHO melaporkan bahawa sejak beberapa minggu lalu, jumlah kes positif COVID-19 telah berlipat 13 kali ganda, sementara jumlah negara dengan kes COVID-19 telah berlipat tiga kali ganda. Malah menurutnya lagi, pihak WHO amat risau dengan tahap penularan, tahap keterukan kes (*severity*) dan kurang pengambil-pedulian pihak kerajaan secara global.

Di Malaysia, pada penghujung tahun 2019, isu virus COVID-19 sudah mendapat perhatian dalam media dan berikutan jumlah kes tinggi secara global dan mulanya kes-kes di Malaysia, maka kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020. Beberapa fasa PKP diperkenalkan bagi mengekang penularan kes COVID-19 dan disertai promosi penjagaan kesihatan supaya patuh kepada 3S / 3C dan 3W seperti disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia serta mendapatkan suntikan vaksin dos 1 dan dos 2. Secara automatik dengan pelaksanaan PKP, rakyat mulai merasakan bahangnya apabila kehilangan pekerjaan dan pendapatan untuk menyara keluarga.

Kehilangan pekerjaan atau potongan gaji maka terjadi keperluan untuk mencari sumber alternatif untuk memenuhi keperluan asas khususnya makanan harian seisi keluarga. Utusan Malaysia (2021) mengutip Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan bahawa seramai 140,608 orang telah hilang pekerjaan akibat pandemik Covid-19. Angka ini berdasarkan data perangkaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sejak Mac 2020 sehingga 20 Ogos lalu.

Astro Awani (2021) melaporkan kajian Pusat Penyelidikan EMIR Research pada suku keempat tahun 2020 mendapati 81 peratus daripada responden menunjukkan kebimbangan akan kehilangan pekerjaan akibat pandemik COVID-19. Majoriti responden dari bandar, etnik Melayu dan India. Komuniti luar bandar secara majoriti adalah komuniti Melayu diikuti komuniti Orang Asal iaitu Orang Asli dan Peribumi. Komuniti Orang Asal kebanyakannya kembali kepada pergantungan sumber alam disebabkan menghadapi kesukaran mencari pekerjaan di sektor ekonomi yang telah mengalami kemurungan peluang-peluang pekerjaan. Namun demikian, mereka juga menghadapi kesukaran memenuhi keperluan makanan harian disebabkan kebanyakan kawasan hutan dan sumber di hutan adalah semakin terhad pada hari ini.

Sejak mulanya PKP, kerajaan telah mengumumkan pelbagai bentuk bantuan untuk membantu rakyat yang terkesan. Bantuan Khas Covid-19 (BKC), NADMA dikhaskan untuk warganegara Malaysia yang bekerja di Malaysia tetapi telah kehilangan sumber pendapatan atau tidak dibayar gaji kerana;

1. menerima Perintah Kuarantin COVID-19 dari Kementerian Kesihatan Malaysia (Annex 14/Annex 17) di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

ATAU

2. menjalani rawatan COVID-19 di wad hospital (Discharge Note / Medical Certificate)

Selain bantuan makanan, bantuan mengurangkan bayaran balik pinjaman, bantuan juga diberikan untuk membina semula kerjaya dan sumber pendapatan rakyat khususnya ketua isi rumah dan golongan produktif. Kerajaan menggalakkan kerjasama pelbagai rakan strategik yang dapat mengurangkan kebergantungan bantuan, mencipta pekerjaan baru dan juga meningkatkan kemahiran baru sesuai dengan norma baru dalam kerja. Orang perseorangan dan institusi terpilih yang membuat pakej-pakej bantuan makanan selain mengubah kaedah pekerjaan dan juga menawarkan pilihan kerja dari rumah untuk kerja-kerja tertentu.

Semenjak bermulanya pandemik COVID-19, kerajaan telah mengambil tanggungjawab untuk menyampaikan pelbagai bantuan makanan kepada rakyat yang terjejas. Langkah kerajaan ternyata juga disertai oleh sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO), badan-badan keagamaan serta orang perseorangan. Bantuan ini bukan sahaja meliputi bantuan makanan tetapi juga bantuan peralatan kesihatan. Sementara itu, pelbagai program dilaksanakan kerajaan kerjasama dengan pelbagai pihak serta ramai sukarelawan untuk mengajak rakyat yang layak untuk mendaftar divaksin. Ini dapat memastikan rakyat dapat kembali bekerja secara aktif dalam ekonomi serta menjurus kepada keadaan kurang kebergantungan untuk memperoleh bantuan makanan harian.

Pendeknya, rentetan dari pandemik COVID-19, telah wujud isu masalah kecapaian dan keselamatan makanan untuk penduduk setempat dan isu ini menjadi lebih kritikal dalam kalangan komuniti miskin yang terpinggir. Kertas kerja ini akan meneliti tahap pemahaman komuniti Arus Perdana dan Orang Asal terhadap jaminan dan keselamatan makanan semasa pandemik COVID-19. Bahagian berikutnya akan menerangkan secara kerangka teori kepentingan memahami konsep jaminan dan keselamatan makanan sebelum mendalami isu ini dalam kajian lepas. Bahagian berikutnya akan menerangkan konsep-konsep asas sebelum menerangkan kaedah kajian. Seterusnya hasil kajian akan dibincangkan

KERANGKA TEORI

Jaminan makanan (*food security*) boleh mempunyai konteks yang berbeza dan makna yang berbeza. Contohnya jika anda memiliki ladang atau kebun anda sendiri dan menanam semua sayur-sayuran dan hasil lain untuk keperluan anda sendiri, maka ini menunjukkan bahawa anda mempunyai keselamatan makanan yang mencukupi. Keselamatan makanan (*food safety*) pula adalah lanjutan bagi jaminan makanan anda, menjaga agar makanan anda tumbuh dengan sihat dan bebas dari bakteria atau perosak pada tahap tumbuh, memastikan tidak ada racun perosak yang berlebihan pada varietas yang ditanam, kaedah pembersihan dan semasa memasak, semuanya menambah keselamatan makanan.

Global Food Security Index 2020 melaporkan bahawa Malaysia berada di tangga 43 antara 113 negara terindeks dengan tren menunjukkan bahawa sepanjang tempoh 9 tahun kebelakangan telah mengalami penurunan sebanyak 0.2. Indeks pada tahun 2012 adalah 68.1 dan telah meningkat kepada 69.7 pada tahun 2014 kemudian menurun kepada 67.9 pada tahun 2020. Laporan ini juga telah menggariskan bahawa cabaran utama bagi Malaysia adalah *food security* dan *access policy commitments*. Sementara kekuatan Malaysia menghadapi keselamatan makanan adalah *food safety net programmes*, *proportion of population under global poverty line*, *food loss*, *change in average food costs*, *food safety*, *agricultural import tariffs*, *micronutrient availability*, *protein quality* dan *market access and agricultural financial services*.

Tuan Buqhairah (2020) menyatakan bahawa di Malaysia, kerajaan memberikan tanggungjawab untuk memantau keselamatan makanan yang dijual di pasaran setempat, termasuk yang diimport dan diekspor, kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM). Beliau mengutip Pengarah Kanan BKMM, Mohd Salim Dulatti yang menyatakan bahawa perancangan, pemantauan dan penilaian aktiviti kawalan keselamatan makanan dilaksanakan melalui BKMM yang melibatkan pintu masuk negeri, daerah dan negara. Jelasnya lagi bahawa makanan di pasaran tempatan atau diimport mesti mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan di bawahnya untuk memastikan makanan yang dipasarkan selamat. Dari segi sejarah, pada tahun 1953, kerajaan Ireland yang pertama sekali mempunyai kesedaran akan pentingnya menetapkan peraturan dan memasukkan aspek keselamatan dan kebersihan makanan di dalam Akta Makanan (Food Act).

Jaminan makanan bermaksud penyediaan, pengendalian dan penyimpanan makanan dengan cara yang selamat pada masa penggunaan. Apabila pengguna mempunyai akses mudah kepada makanan yang selamat, berkhasiat, dan sihat untuk memenuhi keperluan makanan mereka dan keperluan pemakanan untuk kehidupan yang aktif dan sihat biasanya disebut sebagai keselamatan makanan. Untuk memastikan keselamatan makanan, empat faktor harus disahkan: ketersediaan makanan, akses mudah ke makanan, penggunaan makanan, dan kestabilan atau bekalan makanan yang berterusan.

Mohd Farhan Md Ariffin (2020) menyatakan bahawa perbincangan dan debat berkenaan keselamatan makan telah mengalami perubahan sepanjang zaman, dari segi kandungan parasit, kandungan bahan kimia dan kandungan bahan larangan keagamaan (berbeza antara pelbagai agama Islam, Katolik, Jew, Hindu, Baha'i dan sebagainya). Dapat dirumuskan bahawa jaminan makanan bermaksud untuk mengesahkan ketersediaan makanan pada setiap masa khususnya pada waktu krisis, sebaliknya keselamatan makanan bermaksud menjaga kualiti makanan pada setiap waktu.

Peredaran masa, dan peningkatan kesedaran dan pendidikan dalam kalangan masyarakat serta kemajuan sains dan teknologi akan saling mempengaruhi. Misalnya kemajuan sains dan teknologi mendorong para saintis dan penyelidik mengeluarkan baka bintang dan tumbuh-tumbuhan agar dapat bertahan pelbagai cabaran musim (panas, sejuk, hujan dan kekeringan yang melampau), serangan serangga perosak dan juga untuk menggalakkan menghasilkan beberapa kali dalam satu musim penanaman dengan produktiviti dan kualiti yang semakin baik. Walaupun dari rupa dan ketetapan keseragaman ia nampak sempurna, ia tidak semestinya mempunyai kelulusan keselamatan 100% dalam jangka panjang. Impak terhadap manusia mungkin akan hanya muncul selepas beberapa generasi. NASA telah bekerjasama dengan Pillsbury Corporation untuk menghasilkan sistem kawalan makanan, iaitu Hazard Analysis Critical Control Points (HACCP) sehingga pada hari ini secara global, HACCP dianggap sebagai jaminan keselamatan makanan awam (Shaw, 2005).

Dalam situasi pandemik COVID-19, ramai yang menghadapi masalah capaian kepada makanan akibat kehilangan mata pencarian dan juga kekangan perintah kawalan pergerakan. Maka dalam konteks ini segala usaha untuk membantu mengedarkan makanan secara segera diperlukan untuk membantu rakyat. Makanan basah khususnya hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan serta hasil penternakan seperti ikan, ayam, kambing, lembu dan lain perlu digerakkan segera untuk mengelakkan lambakan stok, kehilangan kualiti dan keupusannya dalam jangka pendek.

Kerangka teori yang menggambarkan jaminan dan keselamatan makanan ditunjukkan pada Rajah 1.

Rajah 1 Kerangka Teori Jaminan dan Keselamatan Makanan



Rajah 1 di atas menunjukkan bahawa berdasarkan teori jaminan dan keselamatan makanan adalah penting untuk memastikan adanya kecukupan makanan yang sihat dan selamat untuk setiap ahli komuniti mengikut keperluan masing-masing. Perkara ini akan direalisasikan jika ahli komuniti sendiri memahami konsep jaminan dan keselamatan makanan sebelum dapat memastikan ia diaplikasikan dalam kehidupan harian mereka.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian Paul (2013) mengenai unjuran keselamatan makanan di Malaysia sehingga 2050 merumuskan bahawa Malaysia akan menghadapi masalah kecukupan makanan (merujuk kepada kes penyediaan beras sahaja). Hal ini dilihat dari aspek peningkatan jumlah penduduk warganegara dan bukan warganegara Malaysia. Ini juga digambarkan oleh peningkatan import beras dari luar negara untuk memenuhi permintaan beras oleh penduduk.

Rozhan Abu Dardak (2021) mantan direktur Strategic Planning and Innovation Management Centre, Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) melaporkan bahawa di Malaysia terdapat dua bentuk pertanian iaitu perladangan dan pengeluaran makanan. Terdapat 5.8 juta hektar tanah diusahakan untuk perladangan khususnya kelapa sawit berbanding dengan hanya satu (1) juta hektar untuk tanaman makanan. Kos pengurusan dan perolehan kecil merupakan antara sebab kurang penduduk (28% dan kebanyakannya berusia lebih dari 60 tahun) yang terlibat dalam pengeluaran tanaman makanan. Antara langkah penting yang telah diambil untuk memastikan kecukupan makanan semasa pandemik COVID-19 adalah penubuhan Jawatankuasa Kabinet Kebangsaan mengenai Dasar Keselamatan Makanan dan Jawatankuasa Eksekutif Keselamatan Makanan Negara.

Muhammad Hisyam Mohamad (2021) menzahirkan bahawa risiko keselamatan makanan dan kekurangan zat makanan kronik terutamanya pada populasi yang paling terdedah tidak dapat dielakkan kerana kesan pengangguran diterjemahkan kepada kemiskinan dan ketidaksamaan yang meluas. Menurut SWCorp Malaysia (Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam), kira-kira 16,667.5 tan sisa makanan dijana di Malaysia setiap hari. Daripada angka ini, 24 peratus atau 4,005 tan sisa makanan diklasifikasikan sebagai masih boleh dimakan, dengan kuantiti mencukupi untuk menyediakan tiga hidangan kepada 2,970,000 orang sehari. Terdapat komuniti sedia ada yang dikenali sebagai fakir dan miskin tegar sebelum wabak COVID-19 dan penerimaan PKP. Dengan kemasukan golongan miskin baru dan miskin yang tegar, keadaan semakin merosot. Masalah ini bertambah buruk kerana ramai di antara mereka tidak pernah menganggur, menganggur selama berbulan-bulan atau lebih daripada setahun, tidak pernah tinggal di jalanan, dan tidak pernah meminta-minta sesuap nasi untuk diri sendiri atau keluarga. Pertempuran ini kini menjadi masalah di lebih 60% rumah Malaysia. Menurut beliau lagi, Malaysia masih belum mencapai tahap sara diri makanan asas. Menurut Statistik Agromakanan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) 2019, tahap sara diri Malaysia untuk komoditi makanan utama seperti beras, sayur-sayuran, buah-buahan, daging lembu, dan susu cair ialah 63 peratus, 44.4 peratus, 78.2 peratus, 22.3 peratus, dan 63 peratus pada 2019. Hanya daging ayam, telur ayam, makanan ikan, dan daging babi dilaporkan mampu berdikari melebihi 90%. Bagi mengisi jurang antara bekalan domestik dan penggunaan domestik, Malaysia amat bergantung kepada import untuk hasil makanan.

Menurut Adam Firouz & Hawati Abdul Hamid (2021), statistik rasmi untuk tahun 2019, 5.6% isi rumah Malaysia (sekitar 400 ribu isi rumah) hidup dalam kemiskinan mutlak (iaitu pendapatan mereka hanya sedikit lebih tinggi daripada garis kemiskinan mutlak (rata-rata RM2,208 sebulan), dengan pendapatan mereka tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Hampir 17% isi rumah (1.2 juta) berada dalam kemiskinan relatif [pendapatan mereka kurang daripada separuh daripada pendapatan rata-rata daripada jumlah isi rumah Malaysia sebanyak RM5,873, iaitu kurang dari RM3,000 sebulan]. Ini membawa maksud bahawa kehilangan pendapatan serendah RM700 sebulan oleh setiap isi rumah cukup untuk menyebabkan hampir 800,000 isi rumah tergolong dalam kategori kemiskinan mutlak. Data KWSP menunjukkan bahawa 32% pencarum mempunyai kurang dari RM5,000 dalam Akaun 1 mereka. Jelas di sini bahawa pandemik COVID-19 ditambah dengan pelaksanaan PKP telah menyebabkan kadar kemiskinan di Malaysia meningkat. Komuniti Orang Asal merupakan komuniti yang antara paling terjejas apabila ada isu kekurangan makanan dan kecemasan darurat akibat pandemik COVID-19. Maka bantuan dan perlindungan terutamanya daripada kerajaan amat penting bagi melindungi semua penduduk Malaysia daripada hidup melarat, termasuk semasa tempoh pelaksanaan PKP. Bantuan dari pihak swasta dan juga orang perseorangan pada masa genting ini amat diperlukan untuk mengelakkan gejala ini berlarutan.

Pelbagai agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan dan juga orang perseorangan bertungkus lumus untuk menyusun strategi mengumpulkan bantuan makanan keperluan harian dan wang tunai untuk menggerakkan inisiatif ini untuk menyediakan makanan keperluan harian kepada kelompok masyarakat yang terpinggir dan miskin serta yang miskin baharu. Golongan ini besar dan tidak mudah menyelesaikan masalah ini dalam sekelip mata. Sebarang bentuk bantuan makanan hanya merupakan bantuan sementara atau jangka pendek. Strategi dan peraturan untuk menyelesaikan masalah ini perlu bervisi jangka panjang dan tidak menimbulkan fenomena kebergantungan berpanjangan atau masalah sosial lain.

KONSEP-KONSEP ASAS

Di Malaysia komponen dalam masyarakat adalah berpelbagai etnik dan dapat dikelompokkan dalam 2 kumpulan besar iaitu masyarakat Arus Perdana yang terdiri dari etnik Melayu, Cina dan India; sementara masyarakat Orang Asal terdiri dari komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan Peribumi Sabah dan Sarawak.

Jaminan makanan merujuk kepada kesediaan makan berkhasiat yang mencukupi untuk individu, seisi keluarga, isi rumah dan masyarakat secara menyeluruh. Keseleamatan makanan pula merangkumi bukan sahaja penyediaan makan secara alami atau organik yang selamat tetapi juga proses penyediaan untuk memasak dan dimasak untuk konsumsi yang sihat. Pendeknya dari bahan mentah sampai bahan siap dimakan dan dihadam badam untuk tumbesaran yang sihat dan kuat. Jelas dalam persekitaran sosial manusia akan ada juga batas-batas norma, moral dan agama yang melarang pemakanan makanan tertentu, alergi kesihatan dan juga impak kiraan tenaga kcal kalori hidangan makanan dalam setiap sajian dan sepanjang hari. Ini juga bergantung kepada tahap kesihatan atau faktor risiko ancaman penyakit tidak berjangkit (kencing manis, darah tinggi) yang mungkin dihadapi seseorang. Maka jaminan dan keselamatan makanan sentiasa bergantung kepada banyak faktor. Kepekaan individu dan isi rumah terhadap perkara ini amat penting dan menjadi genting dalam situasi kecemasan pandemik COVID-19.

METODOLOGI KAJIAN LAPANGAN DAN UJIAN STATISTIK

Kajian lapangan telah dilaksanakan untuk mengkaji pemahaman komuniti Arus Perdana dan Orang Asal terhadap jaminan dan keselamatan makan dan memastikannya dalam situasi pandemik COVID-19. Sebelum kajian lapangan dilaksanakan, sorotan kajian lepas telah dijalankan untuk menentukan pembolehubah yang sesuai dikaji. Data dan maklumat yang diperolehi secara kajian perpustakaan ini dikenali sebagai data sekunder. Soalan-soalan yang sesuai disusun untuk mendapatkan maklumbalas responden berkenaan pemahaman dan amalan jaminan dan keselamatan makan dalam kalangan komuniti Arus Perdana dan Orang Asal.

Satu set soalan *google form* sebagai instrumen penyelidikan telah dihantar dalam media sosial untuk mendapat maklumbalas dari komuniti Arus Perdana dan juga dari komuniti Orang Asal. Data yang diperolehi melalui kajian lapangan ini dikenali sebagai data primer. Seramai 134 responden komuniti Arus Perdana dan 28 responden dari komuniti Orang Asal telah diterima. Data dianalisis secara kuantitatif merujuk kepada jumlah kumulatif dan perbandingan antara komuniti.

Ujian Pearson Chi-Square dijalankan untuk melihat hubungan antara pembolehubah bersifat kategori (jantina, status perkahwinan, tahap pendidikan) yang dikaji. Beberapa data yang dianalisis jadual silang dipaparkan nilai Ujian Pearson Chi-Square.

DAPATAN KAJIAN LAPANGAN

Berikut adalah hasil kajian lapangan.

Latar Belakang Responden

Jadual 1 menunjukkan maklumat umur reponden kajian.

Jadual 1 Umur Responden Arus Perdana dan Orang Asal

	18 - 29 tahun	30 - 49 tahun	50 tahun ke atas	Jumlah
ARUS PERDANA				
Melayu	106		1	107
Cina	8			8
India	19			19
Jumlah Kecil	133		1	134
ORANG ASAL				
Peribumi	5			5
Orang Asli	8	11	4	23
Jumlah Kecil	13	11	4	28
Jumlah	146	11	5	162

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	93.432 ^a	8	<.001
Likelihood Ratio	65.866	8	<.001
Linear-by-Linear Association	34.365	1	<.001
N of Valid Cases	162		

a. 10 cells (66.7%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .15.

Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa responden komuniti Arus Perdana dan Orang Asal kebanyakannya dari umur 18-29 tahun, diikuti dari umur 30-49 tahun. Pada Jadual Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih kecil dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik mempunyai hubungan dengan renj umur responden.

Jadual 2 menunjukkan jumlah reponden lelaki dan perempuan mengikut etnik.

Jadual 2 Jantina Responden mengikut etnik

		Jantina		Jumlah	
		Lelaki	Perempuan		
Etnik	Arus Perdana				
	Cina	Jumlah	2	6	8
		% dari Etnik	25.0%	75.0%	100.0%
		% dari Jantina	5.4%	4.8%	4.9%
	India	Jumlah	5	14	19
		% dari Etnik	26.3%	73.7%	100.0%
		% dari Jantina	13.5%	11.2%	11.7%
	Melayu	Jumlah	19	88	107
		% dari Etnik	17.8%	82.2%	100.0%
		% dari Jantina	51.4%	70.4%	66.0%
	Orang Asal				
	Orang Asli	Jumlah	9	14	23
% dari Etnik		39.1%	60.9%	100.0%	
% dari Jantina		24.3%	11.2%	14.2%	

	Peribumi	Jumlah	2	3	5
		% dari Etnik	40.0%	60.0%	100.0%
		% dari Jantina	5.4%	2.4%	3.1%
Jumlah		Jumlah	37	125	162

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	6.019 ^a	4	.198
Likelihood Ratio	5.592	4	.232
Linear-by-Linear Association	5.702	1	.017
N of Valid Cases	162		

a. 4 cells (40.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is 1.14.

Pada Jadual 2 didapati maklumat jantina responden mengikut etnik. Terdapat 11 lelaki dan 17 perempuan Orang Asal sementara 26 lelaki dan 108 perempuan dari kumpulan arus perdana. Secara keseluruhannya terdapat 125 responden perempuan dan baki 37 adalah lelaki. Pada Jadual Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih besar dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik tidak mempunyai hubungan dengan jantina responden.

Jadual 3 Jadual Silang Pendapatan Isi Rumah mengikut etnik.

etnik		pendapatan							Jumlah
		RM0.00	< RM500	RM500 - RM1000	RM1001 - RM2,500	RM2,500 - RM4,850	RM4,850 - RM10,959	> RM10,960	
Melayu	Bilangan	43	4	12	24	15	7	2	107
	% dari etnik	40.2%	3.7%	11.2%	22.4%	14.0%	6.5%	1.9%	100.0%
Cina	Bilangan	3	0	1	3	1	0	0	8
	% dari etnik	37.5%	0.0%	12.5%	37.5%	12.5%	0.0%	0.0%	100.0%
India	Bilangan	2	0	1	13	2	1	0	19
	% dari etnik	10.5%	0.0%	5.3%	68.4%	10.5%	5.3%	0.0%	100.0%
Orang Asli	Bilangan	1	4	3	11	3	1	0	23
	% dari etnik	4.3%	17.4%	13.0%	47.8%	13.0%	4.3%	0.0%	100.0%
Peribumi	Bilangan	2	1	0	2	0	0	0	5
	% dari etnik	40.0%	20.0%	0.0%	40.0%	0.0%	0.0%	0.0%	100.0%
Jumlah	Bilangan	51	9	17	53	21	9	2	162
	% dari etnik	31.5%	5.6%	10.5%	32.7%	13.0%	5.6%	1.2%	100.0%

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	37.308 ^a	24	.041
Likelihood Ratio	40.924	24	.017
Linear-by-Linear Association	2.758	1	.097
N of Valid Cases	162		

a. 25 cells (71.4%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .06.

Pada Jadual Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih besar dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik tidak mempunyai hubungan dengan pendapatan responden.

Jadual 4 Jadual Silang Pendapatan Isi Rumah dan Perbelanjaan Isi Rumah

		perbelanjaan						Total	
		RM0.00	< RM500	RM500 - RM1000	RM1001 - RM2,500	RM2,500 - RM4,850	RM4,850 - RM10,959		
pendapatan	RM0.00	Count	31	5	6	5	4	0	51
		% within perbelanjaan	96.9%	22.7%	12.8%	12.5%	23.5%	0.0%	31.5%
< RM500		Count	0	8	1	0	0	0	9
		% within perbelanjaan	0.0%	36.4%	2.1%	0.0%	0.0%	0.0%	5.6%
RM500 - RM1000		Count	0	4	11	2	0	0	17
		% within perbelanjaan	0.0%	18.2%	23.4%	5.0%	0.0%	0.0%	10.5%
RM1001 - RM2,500		Count	1	5	24	22	1	0	53
		% within perbelanjaan	3.1%	22.7%	51.1%	55.0%	5.9%	0.0%	32.7%
RM2,500 - RM4,850		Count	0	0	4	7	9	1	21
		% within perbelanjaan	0.0%	0.0%	8.5%	17.5%	52.9%	25.0%	13.0%
RM4,850 - RM10,959		Count	0	0	1	2	3	3	9
		% within perbelanjaan	0.0%	0.0%	2.1%	5.0%	17.6%	75.0%	5.6%
> RM10,960		Count	0	0	0	2	0	0	2
		% within perbelanjaan	0.0%	0.0%	0.0%	5.0%	0.0%	0.0%	1.2%
Total		Count	32	22	47	40	17	4	162
		% within perbelanjaan	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	218.841 ^a	30	<.001
Likelihood Ratio	176.989	30	<.001
Linear-by-Linear Association	73.096	1	<.001
N of Valid Cases	162		

a. 30 cells (71.4%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .05.

Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa seramai 31 (19.1%) responden tidak mempunyai pendapatan dan kebanyakan responden tidak dapat membuat tabungan sebab perbelanjaan sama dengan pendapatan iaitu seramai 53 (32.7%) responden. Seramai 25 (15.4%) yang membunai baki simpanan bulanan sebagai tabungan hari kecemasan. Pada Jadual Ujian Chi-Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih kecil dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pendapatan mempunyai hubungan dengan perbelanjaan.

Jaminan Makanan

Bahagian ini akan menunjukkan pemahaman responden terhadap jaminan makanan.

Jadual 5 Pemahaman responden terhadap maksud Jaminan Makanan

Respons mengikut etnik	Jaminan makanan bererti kecukupan kuantiti makanan berdasarkan kepelbagaian makanan sajian								
	Betul		Salah		Tidak Pasti		Jumlah		
	F	%	F	%	F	%	F	%	
ARUS PERDANA									
Melayu	77	72	9	8.4	21	19.6	107	100	
Cina	5	62.5		0	3	37.5	8	100	
India	15	78.9	1	5.3	3	15.8	19	100	
	97	72.4	10	7.5	27	20.1	134	100	
ORANG ASAL									
Peribumi	4	80		0	1	20	5	100	
Orang Asli	18	78.3	0	0	5	21.7	23	100	
	22	78.6	0	0	6	21.4	28	100	
Jumlah	119	73.5	10	6.2	33	20.4	162	100	

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	4.857 ^a	8	.773
Likelihood Ratio	6.780	8	.561
Linear-by-Linear Association	.167	1	.683
N of Valid Cases	162		

a. 9 cells (60.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .31.

Jadual 5 menunjukkan bahawa majoriti 119 (73.5%) responden mengetahui maksud istilah jaminan makanan sementara 33 (20.4%) tidak pasti dan 10 (6.2%) tidak ketahuinya. Pemahaman istilah ini lebih tinggi dalam kalangan komuniti Orang Asal (78.6%) berbanding komuniti Arus Perdana (72.4%). Pada Jadual Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih besar dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik tidak mempunyai hubungan dengan Jaminan makanan bererti kecukupan kuantiti makanan berdasarkan kepelbagaian makanan sajian.

Jadual 6 hingga Jadual 9 menunjukkan tahap pemahaman terhadap istilah jaminan makanan apabila dinyatakan dalam kenyataan yang berbeza. Semua kenyataan adalah betul maka jika responden menyatakan salah atau tidak pasti itu menunjukkan bahawa mereka tidak faham atau keliru dengan istilah jaminan makanan.

Jadual 6 Pemahaman responden terhadap maksud Jaminan Makanan [1. Sajian makanan harian meliputi karbohidrat (Nasi, mee, roti dan sumber biji-bijirin dan ubi-ubian); sayur-sayuran & buah-buahan; Ikan, ayam, daging dan kekacang; dan Lemak, minyak, gula dan garam.]

Respons mengikut etnik	Pemahaman responden terhadap maksud Jaminan Makanan [1. Sajian makanan harian meliputi karbohidrat (Nasi, mee, roti dan sumber biji-bijirin dan ubi-ubian); sayur-sayuran & buah-buahan; Ikan, ayam, daging dan kekacang; dan Lemak, minyak, gula dan garam.]							
	Betul		Salah		Tidak Pasti		Jumlah	
	F	%	F	%	F	%	F	%
ARUS PERDANA								
Melayu	99	92.5	1	0.9	7	6.54	107	100
Cina	6	75		0	2	25	8	100
India	17	89.5		0	2	10.5	19	100
	122	91	1	0.7	11	8.21	134	100
ORANG ASAL								
Peribumi	4	80		0	1	20	5	100
Orang Asli	21	91.3	1	4.3	1	4.35	23	100
	25	89.3	1	3.6	2	7.14	28	100
Jumlah	147	90.7	2	1.2	13	8.02	162	100

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	7.197 ^a	8	.515
Likelihood Ratio	5.673	8	.684
Linear-by-Linear Association	.407	1	.524
N of Valid Cases	162		

a. 10 cells (66.7%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .06.

Jadual 6 menunjukkan bahawa majoriti 147 (90.7%) responden mengetahui istilah jaminan makanan sementara 13 (8.02%) tidak pasti dan 2 tidak ketahuinya. Pemahaman istilah ini hampir sama antara kalangan komuniti Arus Perdana (89.5%) dengan komuniti Orang Asal (89.3%). Pada Jadual Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih besar dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik tidak mempunyai hubungan dengan Pemahaman responden terhadap maksud Jaminan Makanan [1. Sajian makanan harian meliputi karbohidrat (Nasi, mee, roti dan sumber biji-bijirin dan ubi-ubian); sayur-sayuran & buah-buahan; Ikan, ayam, daging dan kekacang; dan Lemak, minyak, gula dan garam.].

Jadual 7 Pemahaman responden terhadap maksud Jaminan Makanan [2. Makan 3-6 kali sehari secukupnya.]

Respons mengikut etnik	Kenyataan berikut merujuk kepada jaminan makanan [2. Makan 3-6 kali sehari secukupnya.]							
	Betul		Salah		Tidak Pasti		Jumlah	
	F	%	F	%	F	%	F	%
ARUS PERDANA								
Melayu	68	63.6	20	19	19	17.8	107	100
Cina	4	50	2	25	2	25	8	100
India	10	52.6	6	32	3	15.8	19	100
	82	61.2	28	21	24	17.9	134	100
ORANG ASAL								
Peribumi	4	80	1	20		0	5	100
Orang Asli	13	56.5	7	30	3	13	23	100
	17	60.7	8	29	3	10.7	28	100
Jumlah	99	61.1	36	22	27	16.7	162	100

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	4.379 ^a	8	.821
Likelihood Ratio	5.051	8	.752
Linear-by-Linear Association	.027	1	.871
N of Valid Cases	162		

a. 9 cells (60.0%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .83.

Jadual 7 menunjukkan bahawa majoriti 99 responden mengetahui istilah jaminan makanan sementara 27 tidak pasti dan 36 tidak ketahuinya. Pemahaman istilah ini hampir sama sederhana antara kalangan komuniti Arus Perdana (61.2%) dengan komuniti Orang Asal (60.7%). Jadual Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih besar dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik tidak mempunyai hubungan dengan Kenyataan berikut merujuk kepada jaminan makanan [2. Makan 3-6 kali sehari secukupnya].

Jadual 8 Pemahaman responden terhadap maksud Jaminan Makanan [3. Bilangan karbohidrat perlu 60% jumlah kalori daripada karbohidrat]

Respons mengikut etnik	Kenyataan berikut merujuk kepada jaminan makanan [3. Bilangan karbohidrat perlu 60% jumlah kalori daripada karbohidrat.]							
	Betul		Salah		Tidak Pasti		Jumlah	
	F	%	F	%	F	%	F	%
ARUS PERDANA								
Melayu	40	37.4	40	14	52	48.6	107	100
Cina	2	25	2	0	6	75	8	100
India	10	52.6	10	11	7	36.8	19	100
	52	38.8	52	13	65	48.5	134	100
ORANG ASAL								
Peribumi	1	20	1	20	3	60	5	100
Orang Asli	6	26.1	6	8.7	15	65.2	23	100
	7	25	7	11	18	64.3	28	100
Jumlah	59	36.4	59	12	83	51.2	162	100

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	8.194 ^a	8	.415
Likelihood Ratio	8.990	8	.343
Linear-by-Linear Association	.949	1	.330
N of Valid Cases	162		

a. 8 cells (53.3%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .49.

Jadual 8 menunjukkan bahawa majoriti 59 responden sahaja memahami istilah jaminan makanan sementara majoriti 83 tidak pasti dan 20 tidak ketahuinya. Pemahaman istilah ini hampir sama rendah antara kalangan komuniti Arus Perdana (38.8%) dengan komuniti Orang Asal (25%). Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih besar dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik tidak mempunyai hubungan dengan Kenyataan berikut merujuk kepada jaminan makanan [3. Bilangan karbohidrat perlu 60% jumlah kalori daripada karbohidrat.].

Jadual 9 Pemahaman responden terhadap maksud Jaminan Makanan [4. Jika saya mempunyai aktiviti harian yang lebih cergas saya akan perlukan tenaga yang lebih banyak.]

Respons mengikut etnik	Kenyataan berikut merujuk kepada jaminan makanan (food security) [4. Jika saya mempunyai aktiviti harian yang lebih cergas saya akan perlukan tenaga yang lebih banyak.]							
	Betul		Salah		Tidak Pasti		Jumlah	
	F	%	F	%	F	%	F	%
ARUS PERDANA								
Melayu	102	95.3	2	1.9	3	2.8	107	100
Cina	8	100		0		0	8	100
India	15	78.9	2	11	2	10.5	19	100
	125	93.3	4	3	5	3.73	134	100
ORANG ASAL								
Peribumi	5	100		0		0	5	100
Orang Asli	20	87	1	4.3	2	8.7	23	100
	25	89.3	1	3.6	2	7.14	28	100
Jumlah	150	92.6	5	3.1	7	4.32	162	100

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	8.909 ^a	8	.350
Likelihood Ratio	7.994	8	.434
Linear-by-Linear Association	2.524	1	.112
N of Valid Cases	162		

a. 11 cells (73.3%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .15.

Jadual 9 menunjukkan bahawa majoriti 150 responden memahami istilah jaminan makanan sementara 7 tidak pasti dan 5 tidak ketahuinya. Pemahaman istilah ini lebih tinggi dalam kalangan komuniti Arus Perdana (93.3%) berbanding dengan komuniti Orang Asal (89.3%). Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih besar dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik tidak mempunyai hubungan dengan Kenyataan berikut merujuk kepada jaminan makanan (food security) [4. Jika saya mempunyai aktiviti harian yang lebih cergas saya akan perlukan tenaga yang lebih banyak.].

Jadual 10 Pemahaman responden terhadap maksud Jaminan Makanan [5. Jumlah tenaga yang anda perlukan dalam sehari bergantung kepada jantung, umur, ketinggian, berat badan, saiz badan, tahap aktiviti fizikal dan kadar metabolik anda]

Respons mengikut etnik	Kenyataan berikut merujuk kepada jaminan makanan [5. Jumlah tenaga yang anda perlukan dalam sehari bergantung kepada jantung, umur, ketinggian, berat badan, saiz badan, tahap aktiviti fizikal dan kadar metabolik anda.]							
	Betul		Salah		Tidak Pasti		Jumlah	
	F	%	F	%	F	%	F	%
ARUS PERDANA								
Melayu	103	96.3	0	0	4	3.7	107	100
Cina	8	100	0	0	0	0	8	100
India	19	100	0	0	0	0	19	100
	130	97	0	0	4	3	134	100
ORANG ASAL								
Peribumi	5	100	0	0	0	0	5	100
Orang Asli	18	78.3	2	8.7	3	13	23	100
	23	82.1	2	7.1	3	11	28	100
Jumlah	153	94.4	2	1.2	7	4.3	162	100

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	18.383 ^a	8	.019
Likelihood Ratio	14.096	8	.079
Linear-by-Linear Association	2.493	1	.114
N of Valid Cases	162		

a. 11 cells (73.3%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .06.

Jadual 10 menunjukkan bahawa majoriti 153 responden memahami istilah jaminan makanan sementara 7 tidak pasti dan 2 sahaja tidak ketahuinya. Pemahaman istilah ini lebih tinggi dalam kalangan komuniti Arus Perdana (97%) berbanding dengan komuniti Orang Asal (82.1%). Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih besar dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik tidak mempunyai hubungan dengan Kenyataan berikut merujuk kepada jaminan makanan [5. Jumlah tenaga yang anda perlukan dalam sehari bergantung kepada jantina, umur, ketinggian, berat badan, saiz badan, tahap aktiviti fizikal dan kadar metabolik anda.].

Keselamatan Makanan

Bahagian ini akan menganalisis pemahaman responden terhadap makud keselamatan makanan.

Jadual 11 Pemahaman responden terhadap maksud Keselamatan Makanan

Respons mengikut etnik	Keselamatan makanan bererti kuantiti makanan yang diambil harian bebas dari ancaman bahan kimia dan sihat untuk tubuh badan saya.							
	Betul		Salah		Tidak Pasti		Jumlah	
	F	%	F	%	F	%	F	%
ARUS PERDANA								
Melayu	94	87.9	2	1.9	11	10	107	100
Cina	7	87.5		0	1	13	8	100
India	16	84.2	1	5.3	2	11	19	100
	117	87.3	3	2.2	14	10	134	100
ORANG ASAL								
Peribumi	5	100		0		0	5	100
Orang Asli	23	100		0		0	23	100
	28	100		0		0	28	100
Jumlah	145	89.5	3	1.9	14	8.6	162	100

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	5.269 ^a	8	.728
Likelihood Ratio	7.902	8	.443
Linear-by-Linear Association	2.246	1	.134
N of Valid Cases	162		

a. 10 cells (66.7%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .09.

Jadual 11 menunjukkan bahawa majoriti 145 responden mengetahui maksud istilah keselamatan makanan sementara 14 tidak pasti dan hanya 3 sahaja tidak ketahuinya. Pemahaman istilah ini lebih tinggi dalam kalangan komuniti Orang Asal (89.5%) berbanding dengan komuniti Arus Perdana (87.3%). Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih besar dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik tidak mempunyai hubungan dengan Keselamatan makanan bererti kuantiti makanan yang diambil harian bebas dari ancaman bahan kimia dan sihat untuk tubuh badan saya.

Jadual 12 hingga Jadual 16 menunjukkan tahap pemahaman terhadap istilah keselamatan makanan apabila dinyatakan dalam kenyataan yang berbeza. Semua kenyataan adalah betul maka jika responden menyatakan salah atau tidak pasti itu menunjukkan bahawa mereka tidak faham atau keliru dengan istilah keselamatan makanan.

Jadual 12 Pemahaman responden terhadap maksud Keselamatan Makanan [1. Makanan mentah perlu dicuci dengan betul sebelum dimasak.]

Respons mengikut etnik	Kenyataan berikut merujuk kepada keselamatan makanan [1. Makanan mentah perlu dicuci dengan betul sebelum dimasak.]							
	Betul		Salah		Tidak Pasti		Jumlah	
	F	%	F	%	F	%	F	%
ARUS PERDANA								
Melayu	104	97.2	1	0.9	2	1.9	107	100
Cina	8	100		0		0	8	100
India	19	100		0		0	19	100
	131	97.8	1	0.7	2	1.5	134	100
ORANG ASAL								
Peribumi	3	60		0	2	40	5	100
Orang Asli	23	100		0		0	23	100
	26	92.9		0	2	7.1	28	100
Jumlah	152	93.8	1	0.6	4	2.5	162	100

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	31.181 ^a	8	<.001
Likelihood Ratio	11.720	8	.164
Linear-by-Linear Association	2.727	1	.099
N of Valid Cases	162		

a. 11 cells (73.3%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .03.

Jadual 12 menunjukkan bahawa majoriti 152 responden memahami istilah keselamatan makanan sementara 4 tidak pasti dan seorang sahaja tidak ketahuinya. Pemahaman istilah ini lebih tinggi dalam kalangan komuniti Arus Perdana (97.8%) berbanding dengan komuniti Orang Asal (93.8%). Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih kecil dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik mempunyai hubungan dengan Kenyataan berikut merujuk kepada keselamatan makanan [1. Makanan mentah perlu dicuci dengan betul sebelum dimasak.].

Jadual 13 Pemahaman responden terhadap maksud Keselamatan Makanan [2. Makanan dikukus lebih bernutrisi berbanding makanan yang digoreng.]

Respons mengikut etnik	Kenyataan berikut merujuk kepada keselamatan makanan [2. Makanan dikukus lebih bernutrisi berbanding makanan yang digoreng.]							
	Betul		Salah		Tidak Pasti		Jumlah	
	F	%	F	%	F	%	F	%
ARUS PERDANA								
Melayu	96	89.7	2	1.9	9	8.4	107	100
Cina	7	87.5	0	0	1	13	8	100
India	13	68.4	2	11	4	21	19	100
	116	86.6	4	3	14	10	134	100
ORANG ASAL								
Peribumi	3	60	1	20	1	20	5	100
Orang Asli	23	100	0	0	0	0	23	100
	26	92.9	1	3.6	1	3.6	28	100
Jumlah	142	87.7	5	3.1	15	9.3	162	100

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	16.983 ^a	8	.030
Likelihood Ratio	15.414	8	.052
Linear-by-Linear Association	.253	1	.615
N of Valid Cases	162		

a. 10 cells (66.7%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .15.

Jadual 13 di atas menunjukkan bahawa majoriti 142 responden memahami istilah keselamatan makanan sementara 15 tidak pasti dan lima orang sahaja tidak ketahuinya. Pemahaman istilah ini lebih tinggi dalam kalangan komuniti Orang Asal (92.9%) berbanding dengan komuniti Arus Perdana (86.6%). Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih besar dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik tidak mempunyai hubungan dengan Kenyataan berikut merujuk kepada keselamatan makanan [2. Makanan dikukus lebih bernutrisi berbanding makanan yang digoreng.].

Jadual 14 Pemahaman responden terhadap maksud Keselamatan Makanan [3. Makanan yang sudah dimasak sebaiknya dimakan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan tidak disimpan terlalu lama.]

Respons mengikut etnik	Kenyataan berikut merujuk kepada keselamatan makanan [3. Makanan yang sudah dimasak sebaiknya dimakan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan tidak disimpan terlalu lama.]							
	Betul		Salah		Tidak Pasti		Jumlah	
	F	%	F	%	F	%	F	%
ARUS PERDANA								
Melayu	96	89.7	2	1.9	9	8.4	107	100
Cina	8	100	0	0	0	0	8	100
India	17	89.5	0	0	2	11	19	100
	121	90.3	2	1.5	11	8.2	134	100
ORANG ASAL								
Peribumi	5	100	0	0	0	0	5	100
Orang Asli	22	95.7	0	0	1	4.3	23	100

	27	96.4	0	0	1	3.6	28	100
Jumlah	148	91.4	2	1.2	12	7.4	162	100

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	2.868 ^a	8	.942
Likelihood Ratio	4.474	8	.812
Linear-by-Linear Association	.799	1	.371
N of Valid Cases	162		

a. 10 cells (66.7%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .06.

Jadual 14 menunjukkan bahawa majoriti 148 (91.4%) responden memahami istilah keselamatan makanan sementara 12 (7.4%) tidak pasti dan dua orang sahaja (1.2%) tidak ketahuinya. Pemahaman istilah ini lebih tinggi dalam kalangan komuniti Orang Asal (96.4%) berbanding dengan komuniti Arus Perdana (90.3%). Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih besar dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik tidak mempunyai hubungan dengan Kenyataan berikut merujuk kepada keselamatan makanan [3. Makanan yang sudah dimasak sebaiknya dimakan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan tidak disimpan terlalu lama.].

Jadual 15 Pemahaman responden terhadap maksud Keselamatan Makanan [4. Masakan yang disajikan perlu ditutup rapat dan disimpan di tempat yang kering agar tidak tercemar dan tidak basi.]

Respons mengikut etnik	Kenyataan berikut merujuk kepada keselamatan makanan [4. Masakan yang disajikan perlu ditutup rapat dan disimpan di tempat yang kering agar tidak tercemar dan tidak basi.]							
	Betul		Salah		Tidak Pasti		Jumlah	
	F	%	F	%	F	%	F	%
ARUS PERDANA								
Melayu	100	93.5	4	3.7	3	2.8	107	100
Cina	8	100	0	0	0	0	8	100
India	19	100	0	0	0	0	19	100
	127	94.8	4	3	3	2.2	134	100
ORANG ASAL								
Peribumi	5	100	0	0	0	0	5	100
Orang Asli	22	95.7	0	0	1	4.3	23	100
	27	96.4	0	0	1	3.6	28	100
Jumlah	154	95.1	4	2.5	4	2.5	162	100

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	3.335 ^a	8	.912
Likelihood Ratio	5.323	8	.723
Linear-by-Linear Association	.521	1	.470
N of Valid Cases	162		

a. 11 cells (73.3%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .12.

Jadual 15 menunjukkan bahawa majoriti 154 responden memahami istilah keselamatan makanan sementara masing-masing 4 orang tidak pasti dan tidak ketahuinya. Pemahaman istilah ini lebih tinggi dalam kalangan komuniti Orang Asal (96.4%) berbanding dengan komuniti Arus Perdana (94.8%). Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih besar dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik tidak mempunyai hubungan dengan Kenyataan berikut merujuk kepada keselamatan makanan [4. Masakan yang disajikan perlu ditutup rapat dan disimpan di tempat yang kering agar tidak tercemar dan tidak basi.].

Jadual 16 Pemahaman responden terhadap maksud Keselamatan Makanan [5. Makanan berasaskan alam semulajadi lebih selamat berbanding kandungan kimia.]

Respons mengikut etnik	Kenyataan berikut merujuk kepada keselamatan makanan (food safety) [5. Makanan berasaskan alam semulajadi lebih selamat berbanding kandungan kimia.]							
	Betul		Salah		Tidak Pasti		Jumlah	
	F	%	F	%	F	%	F	%
ARUS PERDANA								
Melayu	99	92.5	0	0	8	7.5	107	100
Cina	7	87.5	0	0	1	13	8	100
India	17	89.5	1	5.3	1	5.3	19	100
	123	91.8	1	0.7	10	7.5	134	100

ORANG ASAL								
Peribumi	4	80	0	0	1	20	5	100
Orang Asli	23	100	0	0	0	0	23	100
	27	96.4	0	0	1	3.6	28	100
Jumlah	150	95.1	1	2.5	11	2.5	162	100

Ujian Chi-Square

	Value	df	Asymptotic Significance (2-sided)
Pearson Chi-Square	11.161 ^a	8	.193
Likelihood Ratio	8.965	8	.345
Linear-by-Linear Association	.150	1	.699
N of Valid Cases	162		

a. 10 cells (66.7%) have expected count less than 5. The minimum expected count is .03.

Jadual 16 menunjukkan bahawa majoriti 150 (95.1%) responden memahami istilah keselamatan makanan sementara 11 (2.5%) tidak pasti dan seorang sahaja tidak ketahuinya. Pemahaman istilah ini lebih tinggi dalam kalangan komuniti Orang Asal (96.4%) berbanding dengan komuniti Arus Perdana (91.8%). Ujian Chi Square, didapati bahawa nilai signifikan yang dikira adalah lebih besar dari nilai signifikan sebenar ($p < 0.05$) maka dapat disimpulkan bahawa pembolehubah etnik tidak mempunyai hubungan dengan Kenyataan berikut merujuk kepada keselamatan makanan (food safety) [5. Makanan berasaskan alam semulajadi lebih selamat berbanding kandungan kimia.].

Perbincangan Mengenai Jaminan Dan Keselamatan Makanan

Walaupun didapati bahawa komuniti Orang Asal mempunyai pemahaman lebih baik berkenaan istilah jaminan makanan, namun demikian pemahaman mereka terhadap 5 kenyataan berkenaan jaminan makanan kesemuanya mempunyai peratus yang rendah berbanding dengan komuniti Arus Perdana.

Daripada 5 kenyataan yang diberikan mengenai keselamatan makanan, ternyata komuniti Orang Asal mempunyai peratus lebih tinggi untuk 4 kenyataan. Secara keseluruhannya didapati komuniti Orang Asal juga mempunyai pemahaman lebih baik berkenaan istilah atau maksud keselamatan makanan.

Jadual 17 Perasaan Responden terhadap jaminan dan keselamatan makanan semasa pandemik COVID-19

			Saya sentiasa berasa tenang dan selamat dengan makanan yang tersedia untuk isi rumah saya semasa pandemik COVID-19			Saya sentiasa berasa tenang dan terjamin dengan makanan yang tersedia untuk isi rumah saya semasa pandemik COVID-19		
			Tidak	Ya	Jumlah	Tidak	Ya	Jumlah
Arus Perdana								
Etnik	Cina	Bilangan	0	8	8	0	8	8
		% dari Etnik	0.0%	100.0%	100.0%	0.0%	100.0%	100.0%
	India	Bilangan	1	18	19	1	18	19
		% dari Etnik	5.3%	94.7%	100.0%	5.3%	94.7%	100.0%
	Melayu	Bilangan	12	95	107	14	93	107
		% dari Etnik	11.2%	88.8%	100.0%	13.1%	86.9%	100.0%
	Orang Asal							
	Orang Asli	Bilangan	1	22	23	1	22	23
% dari Etnik		4.3%	95.7%	100.0%	4.3%	95.7%	100.0%	
Peribumi	Bilangan	0	5	5	0	5	5	
	% dari Etnik	0.0%	100.0%	100.0%	0.0%	100.0%	100.0%	
Jumlah		Bilangan	14	148	162	16	146	162
			8.6%	91.4%	100.0%	9.9%	90.1%	100.0%

Merujuk kepada Jadual 17, apabila ditanyakan jika sentiasa berasa tenang dan selamat dengan makanan yang tersedia untuk isi rumah saya semasa pandemik COVID-19? Maka 91.4 % menjawab “Ya” dan baki 8.6 % kata “Tidak”. Majoriti yang tidak berasa selamat adalah dari etnik Melayu 12 (11.2%) diikuti India 1 (5.3 %) dan Orang Asli 1 (4.3 %). Apabila ditanyakan jika sentiasa berasa tenang dan selamat dengan makanan yang tersedia untuk isi rumah saya semasa pandemik COVID-19? Maka 90.1 % menjawab “Ya” dan baki 9.9 % kata “Tidak”. Majoriti yang tidak berasa tidak terjamin dengan kesediaan makanan adalah dari etnik Melayu 14 (13.1%) diikuti India 1 (5.3%) dan Orang Asli 1 (4.3 %).

Secara keseluruhan 111 (68.5%) responden menyatakan pernah menerima bantuan makanan dan 78 (31.5%) responden pernah menerima bantuan kewangan. Apabila ditanya jika lebih suka menerima bantuan berbentuk: (wang tunai, makanan, barangan lain...), 137 (84.6%) yang menjawab bahagian ini dengan 71 (51.8%) responden menyatakan wang tunai, 7 (5.1%) memilih makanan sahaja, 9 (6.6%) makanan dan wang tunai dan selebihnya 3.7 % kata bersyukur menerima apa sahaja.

ANALISIS REGRESI

Bahagian ini akan membincangkan hasil regresi untuk dua pembolehubah bersandar, iaitu:

- Saya sentiasa berasa tenang dan selamat dengan makanan yang tersedia untuk isi rumah saya semasa pandemik COVID-19; dan
- Saya sentiasa berasa tenang dan terjamin dengan makanan yang tersedia untuk isi rumah saya semasa pandemik COVID-19.

Jadual 18 hingga Jadual 20 menunjukkan hasil ujian dan regresi untuk pembolehubah bersandar Saya sentiasa berasa tenang dan selamat dengan makanan yang tersedia untuk isi rumah saya semasa pandemik COVID-19

Jadual 18 Rumusan model Pertama

Model Summary				
Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.166 ^a	.028	-.010	.283

a. Predictors: (Constant), Saya pernah menerima bantuan kewangan semasa pandemik COVID-19, Saya pernah menerima bantuan makanan semasa pandemik COVID-19, pendapatan, jantina, umur, etnik

Jadual 19 Ujian Anova Model Pertama

ANOVA ^a						
Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	.352	6	.059	.731	.626 ^b
	Residual	12.438	155	.080		
	Jumlah	12.790	161			

a. Dependent Variable: Saya sentiasa berasa tenang dan selamat dengan makanan yang tersedia untuk isi rumah saya semasa pandemik COVID-19

b. Predictors: (Constant), Saya pernah menerima bantuan kewangan semasa pandemik COVID-19, Saya pernah menerima bantuan makanan semasa pandemik COVID-19, pendapatan, jantina, umur, etnik

Jadual 20 Hasil Regresi Model Pertama

Coefficients ^a						
Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	1.167	.196		5.949	<.001
	umur	.004	.061	.006	.068	.946
	jantina	-.014	.055	-.022	-.264	.792
	etnik	-.026	.020	-.115	-1.265	.208
	pendapatan	.005	.014	.030	.369	.713
	Saya pernah menerima bantuan makanan semasa pandemik COVID-19	.036	.049	.059	.730	.466
	Saya pernah menerima bantuan kewangan semasa pandemik COVID-19	-.053	.045	-.093	-1.164	.246

a. Dependent Variable: Saya sentiasa berasa tenang dan selamat dengan makanan yang tersedia untuk isi rumah saya semasa pandemik COVID-19

Jadual 20 menunjukkan bahawa semua pembolehubah bebas adalah negatif dan tidak signifikan kecuali pembolehubah umur, pendapatan dan Saya pernah menerima bantuan makanan semasa pandemik COVID-19, tetapi ia juga tidak signifikan

Jadual 21 Rumusan Model kedua

Model Summary				
Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.161 ^a	.026	-.012	.301

a. Predictors: (Constant), Saya pernah menerima bantuan kewangan semasa pandemik COVID-19, Saya pernah menerima bantuan makanan semasa pandemik COVID-19, pendapatan, jantina, umur, etnik

Jadual 22 Hasil Ujian ANOVA Model Kedua

Model	ANOVA ^a					
		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	.373	6	.062	.686	.662 ^b
	Residual	14.047	155	.091		
	Jumlah	14.420	161			

a. Dependent Variable: Saya sentiasa berasa tenang dan terjamin dengan makanan yang tersedia untuk isi rumah saya semasa pandemik COVID-19

b. Predictors: (Constant), Saya pernah menerima bantuan kewangan semasa pandemik COVID-19, Saya pernah menerima bantuan makanan semasa pandemik COVID-19, pendapatan, jantina, umur, etnik

Jadual 23 Hasil Regresi Model Kedua

Model		Coefficients ^a		Standardized Coefficients Beta	t	Sig.
		Unstandardized Coefficients B	Std. Error			
1	(Constant)	1.118	.209		5.361	<.001
	umur	.010	.065	.014	.151	.880
	jantina	-.001	.058	-.002	-.024	.981
	etnik	-.031	.022	-.132	-1.455	.148
	pendapatan	.002	.014	.009	.110	.913
	Saya pernah menerima bantuan makanan semasa pandemik COVID-19	.044	.052	.069	.847	.398
	Saya pernah menerima bantuan kewangan semasa pandemik COVID-19	-.028	.048	-.047	-.590	.556

a. Dependent Variable: Saya sentiasa berasa tenang dan terjamin dengan makanan yang tersedia untuk isi rumah saya semasa pandemik COVID-19

Jadual 23 menunjukkan bahawa semua pemboleh ubah bebas adalah negatif dan tidak signifikan kecuali pemboleh ubah umur, pendapatan dan Saya pernah menerima bantuan makanan semasa pandemik COVID-19, tetapi ia juga tidak signifikan.

CADANGAN RESPONDEN

Antara cadangan yang disarankan oleh responden kepada pihak kerajaan bagi menangani isu jaminan makanan adalah seperti berikut:

- a) menyediakan banyak food bank untuk semua yang memerlukan bantuan tanpa pilih kasih
- b) Tambah peruntukan pertanian
- c) sentiasa memastikan bekalan makanan tidak putus
- d) Senaraikan golongan b40 drpd data2 maklumat penduduk dan sediakan peti makanan untuk golongan yang memerlukan
- e) Pihak kerajaan perlu menyediakan tabung kebajikan
- f) Pihak kerajaan perlu mengimport bahan utama makanan yang mencukupi seperti beras supaya rakyat mampu mendapat nutrisi yang mencukupi.
- g) Pemberian makanan atau kewangan yang mencukupi
- h) Menyediakan pusat khusus untuk penjagaan jaminan makanan supaya dapat disalurkan kepada individu yang memerlukan
- i) Mengeluarkan garis panduan yang jelas tentang jaminan makanan serta mempergiat kempen kesedaran dalam kalangan masyarakat awam khususnya.
- j) memastikan YB dan ADUN setiap bahagian untuk cakna akan bilangan keluarga dari tempat masing-masing untuk disalurkan bantuan, menyediakan aplikasi mudah alih untuk orang memohon bantuan
- k) Melaksanakan program khas yang akan meningkatkan produktiviti dengan tujuan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan dan menstabilkan pengeluaran dan pendapatan golongan miskin. Program sedemikian termasuk meningkatkan akses pengeluar kecil kepada input pertanian, kredit dan perkhidmatan penting lain serta pasaran. Peranan koperasi dalam meningkatkan pendapatan petani perlu ditekankan;
- l) kerajaan perlu meneliti dengan lebih mendalam lagi terhadap pihak2 sokongan dalam menyalurkan bekalan makanan kepada golongan individu terjejas terutama lagi apabila ianya melibatkan bahan makanan basah supaya ianya masih lagi dalam keadaan yang baik dan selamat untuk digunakan oleh individu terjejas agar tiada kesan buruk atau risiko yang berlaku pada masa hadapan
- m) Cuba sediakan satu kupon untuk satu keluarga bagi mengelakkan mereka menerima bantuan lebih dari yang sepatutnya agar masyarakat lain dapat menerima bantuan tersebut

- n) Cadangan saya bagi menangani isu jaminan makanan kerajaan harus memastikan yang pertama harga makanan asas sentiasa dipantau supaya boleh diperolehi oleh pelbagai lapisan masyarakat yang berbeza latar belakang ekonomi. Kedua pihak berkuasa harus memastikan tiada monopoli pasaran oleh sesuatu entiti dalam membekal makanan asas bagi mengelakkan peningkatan harga makanan asas yang tidak masuk akal. Ketiga pendedahan tentang pertanian dan penternakan yang mapan bagi menjamin bekalan asas dalam masyarakat Orang Asal. Keempat adalah menjamin akses makanan asas terutama bagi masyarakat yang tinggal di pedalaman.
- o) bagi keluarga yang sedang kuarantin bagus diberi bantuan makanan basah seperti ikan ayam sayur kerna kasihan mereka tak dapat keluar takkan nak mkn nasi dan meggi sahaja atau tepung. bg keluarga yg tidak kuarantin berilah wang tunai utk mereka membeli. atau baucer membeli di pasaraya.
- p) bagi diskaun khas kepada golongan b-40 yang ingin beli makanan melalui talian.

Sementara, antara cadangan responden kepada pihak kerajaan bagi menangani isu keselamatan makanan adalah seperti berikut:

- a. Pemantuan Harga Makanan yang disediakan – makanan di restoran mahupun bahan mentah di kedai runcit perlu pantau agar ditatpkan secara adil
- b. Memastikan Bekalan Makanan mencukupi – bkelan makanan di kedai-kedai berdekatan dengan kawasan perumahan perlu memastikan sentiasa mencukupi agar tiada isu pengumpulan dan menyorokkan barangan dengan senagaja untuk mencari alasan menaikkan harga barangan
- c. Menitikberatkan isi kandungan makanan, memastikan makanan yang dimakan diproses dan terjamin keselamatan serta tidak mengundang keracunan makanan atau sebagainya
- d. Penguatkuasaan Jaminan makanan halal
- e. Semakan sijil tukang masak secara berkala untuk memastikan bertauliah atau berpengalaman.
- f. sentiasa bersiap sedia dengan simpanan bekalan makanan khas untuk diagihkan semasa waktu kecemasan - kerajaan berikan baucer membeli barang dapur.
- g. Prosedur yang ketat dan teratur dalam sistem pengagihan bantuan semasa keadaan kecemasan
- h. Pihak pembekal perlu peka dengan kualiti dan tarikh luput makanan yang dibekalkan.
- i. Menyediakan makanan berbentuk kering memandangkan tempoh penyimpanan makanan adalah lebih lama.
- j. menyetatkan akta dan undang-undang berkaitan penggunaan baja, racun dan vaksin untuk ternakan dan tanaman derta utamakan makanan organic
- k. Memperkasakan penyelidikan dalam pengeluaran dan pengendalian makanan, kepelbagaian tanaman dan genetik serta pemprosesan dan pemasaran. Penyelidikan juga perlu dilakukan terhadap pengendalian makanan isi rumah bagi memastikan ketersediaan makanan yang mencukupi dan untuk melindungi nilai pemakanan dan mencegah pembaziran makanan
- l. Memastikan premis mengeluarkan makanan mengikut sop yang ditetapkan antaranya bersih serta selamat dari bahan bahan yang berbahaya.
- m. memberi pendedahan tentang pengendalian dan penyimpanan makanan dengan cara yang betul supaya makanan dapat tahan lama dan tidak terdedah kepada patogen yang boleh mengakibatkan keracunan makanan.

CADANGAN PENAMBAH BAIKAN

Peranan Sektor Pertanian

Hasil pertanian menghasilkan sumber makanan yang segar dan berkhasiat untuk rakyat. Aktiviti sektor pertanian sangat penting untuk membantu memastikan makanan yang mencukupi dapat disediakan.

Cabaran yang dihadapi oleh para pengeluar produk sektor pertanian, khususnya di luar bandar, berkaitan dengan aktiviti memproses, membungkus dan memasarkan produk luar bandar ke lokasi lain. Aktiviti memproses sayuran, buah-buahan dan daging ayam, kambing, lembu, ikan dan sebagainya memakan masa dan juga kos tinggi memandangkan ia juga memerlukan tempat simpanan yang sejuk beku atau dingin agar tidak cepat rosak dan dapat memanjangkan tempoh sah lakunya (tarikh luputnya). Ini adalah penting untuk memastikan produk masih baik dan elok untuk digunakan. Hakikatnya, barang mentah tidak tahan lama, kadang-kadang pembungkusannya sederhana atau kurang menarik, namun demikian, tempoh penghantarannya tidak dapat dilambatkan. Aktiviti pemprosesan juga perlu dilengkapi dengan pembungkusan mengikut berat dan pelabelan.

Peruntukan kewangan yang besar juga diperlukan untuk memastikan terdapat tempat penyeteroran produk sebelum ia mula diagihkan keluar kepada pengguna pukal (*retailer*) atau individu. Usaha menghubungkan rangkaian makanan kepada jaringan yang berterusan dari petani/penternak kepada tempat pemprosesan ke tempat penyeteroran dan pengagihan sebelum ke pengguna amat penting dilakukan secara sistematik dan terkawal dengan memanfaatkan teknologi maklumat.

Teknologi dan alatan pembungkusan yang terkini sukar diperolehi dalam kawasan luar bandar dan kebanyakan petani atau penternak juga belum menguasai teknologi maklumat dengan potensi sepenuhnya. Kemungkinan ada juga yang mungkin tidak mempunyai peranti yang canggih untuk digunakan. Pelaburan awal amat penting dalam menjayakan program ini. Situasi pandemik COVID-19 telah memberikan desakan untuk mempercepatkan perkara ini. Ramai individu yang mula menggunakan telefon pintar dan ada juga yang sudah mula mendesak agar kawasan penempatan mereka debekalkan dengan internet 5G. Jelas bahawa keperluan infrastruktur digital amat penting dan rakyat menyedari akan peranannya dalam kehidupan mereka untuk membantu dalam melancarkan pekerjaan dan perniagaan mereka.

Perkembangan Teknologi Maklumat

Teknologi maklumat dapat dimanfaatkan untuk membantu memastikan produktiviti, pemrosesan dan pengagihan makanan adalah lancar dan tepat pada masanya, khususnya dari kawasan luar bandar ke bandar. *Internet of Things* (IoT) iaitu dengan menggunakan hujah pengaturcaraan di mana setiap arahan hujah menghasilkan interaksi antara satu sama lain mesin-mesin bersambung secara automatik tanpa campur tangan manusia dan pada jarak tertentu dan berkomunikasi untuk memberi dan menerima maklumat. Internet telah menjadi kaitan antara keduanya interaksi mesin, semasa manusia hanya berfungsi sebagai pengawal selia dan penyelia alat secara langsung.

Jaminan kualiti dan kesegaran bahan makanan adalah amat penting bagi pengguna dan maklumat ini pada label dengan bacaan barcode akan membantu memastikan maklumat jumlah penawaran produk dapat dipantau dari mana-mana lokasi. Walaupun pada hari ini masyarakat umum dah mula berkenalan dengan GPS [yang diperkenalkan oleh Comparetti (2011) dalam sektor pertanian pada tahun 1983] dalam produk-produk pengguna harian dalam rumah atau barangan awam tetapi kegunaan secara meluas di Malaysia dan khususnya di sektor pertanian dan di luar bandar masih dapat ditingkatkan.

Dalam konteks tangkapan ikan, dapat diperlihatkan model IoT seperti dalam model Sistem Pemilihan Akuakultur (https://www.toyota-tsusho.com/english/press/detail/180821_004238.html) dan penggunaan IoT di perairan laut [Sangmin Lee, Dongsoo Har, 2017] yang memperkenalkan sistem pemantauan automatik baru untuk alat penangkapan ikan berdasarkan komunikasi NB-IoT di Korea Selatan. Sementara model IoT juga digunakan dalam penternakan ayam untuk memerhatikan tingkahlaku ayam dan mendorong peningkatan produktiviti ayam (<https://aphrdi.ap.gov.in/documents/Trainings@APHRDI/2018/4-april/digitalworld/IOT%20in%20Poultry%20&%20Farming.pdf>). Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa penggunaan IoT secara holistik dapat membantu meningkatkan produktiviti hasil sektor pertanian untuk ekonomi sesebuah negara.

IMPLIKASI DASAR

Kerjasama pihak agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan dan rakan strategik tempatan dan global adalah penting dalam menangani isu pandemik COVID-19 dan juga untuk memberi bantuan kepada golongan B40, khususnya yang menghadapi ancaman kepada jaminan dan keselamatan makanan. Isu ini bukan sahaja mengancam kehidupan masyarakat minoriti Orang Asal yang sering disononimkan terpinggir dan kurang peluang pekerjaan dan capaian kepada akses makanan dan kesihatan, tetapi juga komuniti Arus Perdana B40. Ini disebabkan fenomena pandemik COVID-19 merupakan ancaman global yang telah mempengaruhi semua sektor ekonomi dan juga sosial masyarakat setempat.

Pengumpulan dan pengurusan data komuniti B40 dan khususnya B20 amat kritikal untuk memastikan golongan yang paling daif dan perlu mendapat akses kepada makanan selamat dahulu. Tidak kira lokasi penempatan sama ada di luar bandar, pinggir bandar atau bandar, semua individu dalam isi rumah wajib mendapat akses kepada makanan sihat yang mencukupi. Selain itu maklumat akses kepada makanan juga perlu disebar luas agar tiada yang ketinggalan.

Perkongsi pintar dengan pelbagai pihak perlu diusahakan untuk membantu mengurangkan kos. Pengemblingan pelbagai usaha dapat membantu merealisasikan jaminan makanan mencukupi serta keselamatan makanan dijaga. Kerjasama antara pelbagai pihak juga dapat membantu melancarkan jaringan antara pengeluar dan pengguna. Diharapkan usaha sama ini juga akan menjurus kepada pengurangan kos pengurusan dan penjimatan masa dalam jangka panjang seterusnya mengurangkan harga makanan di pasaran. Seterusnya, ini akan mendorong kepada pengurangan kos sara hidup.

Setiap individu dalam isi rumah juga bertanggungjawab untuk memperoleh makanan yang berkualiti dan mengkonsumsi secara sihat. Ini dapat memastikan tubuh badan sentiasa sihat. Jika dapat mencapai makanan yang mencukupi tetapi tidak ketahui cara-cara menjaga makanan yang dikonsumsi adalah selamat maka ia akan memudaratkan kesihatan diri sendiri.

Kesimpulan

Hasil kajian dan perbincangan menunjukkan bahawa komuniti Orang Asal mempunyai pemahaman lebih baik berkenaan istilah jaminan makanan dan keselamatan makanan berbanding dengan komuniti Arus Perdana. Namun demikian, apabila dikaji dengan teliti didapati bahawa pemahaman komuniti Orang Asal terhadap 5 kenyataan berkenaan jaminan makanan kesemuanya mempunyai peratus yang rendah berbanding dengan komuniti Arus Perdana tetapi mempunyai skor tinggi untuk pemahaman kenyataan untuk keselamatan makanan. Hasil regresi untuk kedua-dua model bersandar menunjukkan pembohubah bebas umur, pendapatan dan pernah menerima bantuan makanan semasa COVID-19 sahaja mempengaruhi secara positif perasaan responden komuniti Arus Perdana dan Orang Asal tenang, terjamin dan selamat dengan makanan yang tersedia untuk isi rumah semasa pandemik COVID-19. Kajian ini dapat ditambah baik di masa hadapan dengan jumlah sampel yang lebih banyak. Data kualitatif juga dapat ditambah melalui sesi temubual dengan kaedah kajian perbincangan kumpulan fokus.

Makanan adalah keperluan manusia. Kecukupan makanan yang berkualiti adalah amat penting untuk memastikan rakyat sihat dan dapat bekerja untuk meningkatkan produktiviti negara. Keadaan pandemik COVID-19 tidak diduga masyarakat global. Masyarakat Malaysia juga terkesan dengan pandemik COVID-19. Ia bukan sahaja menjejaskan status kesihatan, tetap mempunyai impak kepada ekonomi negara. Rakyat kehilangan pekerjaan dan ada yang mengalami penurunan gaji bulanan. Produktiviti negara terjejas apabila banyak sektor yang tidak merupakan pengeluaran bahan keperluan terpaksa tutup, atau terus gulung tikar. Ini jelasnya mempunyai implikasi kecukupan pendapatan bolehguna untuk memperoleh makanan untuk diri sendiri dan isi rumah. COVID-19 juga secara tidak langsung telah memaksa semua orang untuk melihat kembali pengurusan kewangan dan pengaturan

kesediaan makanan dan juga memastikan tiada pembaziran makanan dalam kehidupan harian. Diharapkan penggunaan teknologi maklumat dan kesediaan infrastruktur digital holistik serta kesediaan peranti pintar dapat menyokong usaha meningkatkan pengeluaran makanan pertanian dan penternakan agar mencukupi untuk seluruh rakyat Malaysia dari segi kualiti terbaik, harga berpatutan dan tepat pada masanya.

Tidak kira jika dari komuniti Arus Perdana atau dari komuniti Orang Asal, semua orang sebagai manusia rasional dan normal perlu memenuhi keperluan asasi dan kerajaan serta agensi lain sama ada swasta badan bukan kerajaan, atau individu jika berkemampuan dari segi pendapat, kewangan, tenaga atau sumber lain mempunyai tanggungjawab untuk saling bergandingan dan berjaringan untuk kesejahteraan sosioekonomi masyarakat Malaysia untuk mengharungi melewati pandemik COVID-19 agar semua dapat kembali membuat sumbangan ekonomi yang bermakna untuk seisi keluarga dan negara secara holistik.

RUJUKAN

Adam F. & Hawati A. H. (2021). Sejuta isi rumah miskin jika tiada bantuan PKP 2.0. 15 Jan 2021.

Astro Awani. (2021). 81 peratus rakyat Malaysia bimbang kehilangan pekerjaan akibat COVID-19 – Kajian. <https://www.malaysiakini.com/my/author/Adam%20Firouz,%20Hawati%20Abdul%20Hamid>

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/81-peratus-rakyat-malaysia-bimbang-kehilangan-pekerjaan-akibat-covid19-kajian-281930>

Comparetti, A. L'electronica per l'agricoltura di precisione (The electronics for precision agriculture). *Macchine e Motori Agricoli*. (2000). no. 2, p. 74-82.

Comparetti, A. (2011). Precision Agriculture: Past, Present and Future.

Farhan M.A. (2020). Keselamatan Makanan: Dimensi Zaman, Keperluan Dan Kekangan Semasa. *Online Journal of Research in Islamic Studies* 7(3) (2020): 41-54. file:///C:/Users/OPTIPLEX%203070%20SFF/Downloads/FOOD_SAFETY_DIMENSIONS_OF_TIME_NEEDS_AND.pdf

Global Food Security Index <https://foodsecurityindex.eiu.com/Jumlahry/Details#Malaysia>

Muhammad H. M. (2021). Achieving Food Security in Malaysia. <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2021/08/721438/achieving-food-security-malaysia>

Paul, B. (2013). Food Security in Malaysia: Challenges and Opportunities for Malaysia of Present and in 2050 for maintaining food security. <file:///C:/Users/OPTIPLEX%203070%20SFF/Downloads/CaseStudyofFoodsSecurityinMalaysia.pdf>

Rozhan A. D. (2021). Managing Food Security during and after the COVID-19 Pandemic. <https://ap.iftc.org.tw/article/2853>

Shaw, I. (2005). *Is It Safe to Eat, Enjoy Eating and Minimize Food Risks, Food Safety Through the Ages*, Springer-Verlag Berlin Heidelberg, 18-19.

Tuan B. T. M. A. (2020). Jaminan Keselamatan Makanan Lebih Mencabar. 07 Jun 2020. <https://www.sinarharian.com.my/article/86641/BERITA/Nasional/Jaminan-keselamatan-makanan-lebih-mencabar>

Utusan Malaysia. (2021). 140,608 hilang pekerjaan akibat Covid-19. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/09/140608-hilang-pekerjaan-akibat-covid-19/>

Doris Padmini Selvaratnam
Universiti kebangsaan Malaysia
Email: pegasus@ukm.edu.my